

POLISI BIMA LIFE

Penanggung Insurans : Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (Co. No. 198301008983)
Polisi : BIMA Life
Pemegang Polisi Induk : Milvik Malaysia Sdn Bhd (Co. No. 201801025352 (1287372-W)) (dikenali sebagai "BIMA")
Orang yang Diinsuranskan : Orang yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini.

PENGAKUAN PENTING

- A. Polisi ini dikeluarkan oleh Penanggung Insurans kepada BIMA sebagai pentadbir skim polisi insurans induk untuk menyediakan Perlindungan Insurans individu kepada orang yang layak yang memohon pilihan pelan insurans seperti yang dinyatakan di dalam Polisi ini dan membayar Premium berkenaan melalui bil telefon bimbit dengan Penyedia Telekomunikasi, kad kredit, kad debit, akaun simpanan atau e-dompet.
- B. Sebagai balasan Premium yang diterima atau yang akan diterima, Penanggung Insurans hendaklah menyediakan Perlindungan Insurans kepada Orang yang Diinsuranskan dan membayar tuntutan bagi pilihan pelan insurans yang terpilih tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini. Penyedia Telekomunikasi atau saluran pembayaran dan BIMA adalah tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan untuk Perlindungan Insurans berkenaan dengan Polisi ini.
- C. BIMA akan mentadbir Polisi ini sebagai pemilik polisi induk dan ejen Penanggung Insurans dengan:
- mengumpul Data Peribadi orang yang layak memohon Perlindungan Insurans dan menyediakannya kepada Penanggung Insurans pada dasar berkala yang dipersetujui ;
 - mengutip Premium yang kena dibayar tidak termasuk komisen dan menghantarnya kepada Penanggung Insurans;
 - mengendali sebarang pembatalan Perlindungan Insurans oleh Orang Yang Diinsuranskan dan bayaran balik Premium; dan
 - menguruskan tuntutan dan perkhidmatan pelanggan yang berkenaan dengan Polisi ini yang dibenarkan oleh Penanggung Insurans.

Terma dan syarat Polisi ini boleh didapati di www.bima.com.my atau laman web lain yang akan dimaklumkan oleh BIMA dari semasa ke semasa.

Untuk pertanyaan dan tuntutan yang berkenaan dengan Polisi ini, Orang Yang Diinsuranskan boleh menghubungi **khidmat pelanggan BIMA** melalui e-mel: info@bima.com.my atau hotline: 03 20225555. Untuk aduan atau jika Orang yang Diinsuranskan tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah dibuat berkenaan dengan aduan mereka, Orang yang Diinsuranskan boleh e-mel complaints@bima.com.my atau menghubungi hotline **perkhidmatan pelanggan BIMA** (03 20225555) dan berurus dengan Pengurus Operasi.

BUTIRAN POLISI

Polisi insurans hayat induk ini menyediakan jumlah keseluruhan sebagai Manfaat Kematian sekiranya berlaku kematian Orang yang Diinsuranskan kepada Penama yang dinamakan oleh Orang yang Diinsuranskan atau orang yang berhak menerusi Orang yang Diinsuranskan. Perlindungan Insurans yang disediakan oleh Penanggung Insurans tertakluk kepada dan akan ditadbir mengikut undang-undang Malaysia.

1. KELAYAKAN

Mana-mana individu adalah layak memohon Perlindungan Insurans di bawah Polisi ini jika orang itu adalah individu yang:

- Pernah mengambil bahagian dalam kempen pemasaran yang dianjurkan oleh BIMA dan/atau sekutu atau rakan kongsi dan bersetuju untuk menerima panggilan tele-pemasaran dari BIMA;
- Memiliki kad kredit, kad debit, e-dompet atau nombor telefon bimbit yang sah yang berdaftar dengan Penyedia Telekomunikasi; dan
- Umur sekurang-kurangnya 18, tetapi tidak lebih daripada 50 tahun (harijadi terdekat) pada tarikh pendaftaran untuk pilihan pelan insurans ("**Tarikh Pendaftaran**").

2. TARIKH BERKUATKUASA INSURANS

- Perlindungan Insurans di bawah pilihan pelan terpilih akan berkuatkuasa pada hari pertama bulan yang berikut selepas bulan Tarikh Pendaftaran, dengan syarat sebahagian Premium telah dibayar ("**Tarikh Berkuatkuasa Insurans**") seperti yang disahkan oleh BIMA.

- b) Sekiranya tiada sebahagian daripada Premium yang telah dibayar pada bulan Tarikh Pendaftaran, Tarikh Berkuatkuasa Insurans akan ditangguhkan sehingga hari pertama bulan berikutnya selepas bulan di mana sebahagian Premium telah dibayar seperti yang disahkan oleh BIMA.
- c) Selepas pendaftaran, Orang Yang Diinsuranskan secara automatik akan menerima Perlindungan Insurans bulanan, dengan syarat sebahagian Premium telah dibayar seperti yang disahkan oleh BIMA, sehingga penamatan atau pembatalan Cover Insurance mengikut Klausula 11.
- d) Berikutan penamatan atau pembatalan, jika Orang Yang Diinsuranskan mendaftar semula untuk Perlindungan Insurans sekali lagi untuk apa jua sebab, Perlindungan Insurans Orang Yang Diinsuranskan akan tertakluk kepada apa-apa terma yang akan dimaklumkan oleh BIMA termasuk Tarikh Berkuatkuasa Insurans yang baru.

3. TEMPOH PERCUBAAN

Perlindungan Insurans di bawah Polisi ini boleh dibatalkan oleh Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh lima belas (15) hari, atau dalam tempoh lebih lama sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, dari tarikh penerimaan terma dan syarat Polisi ini ("**Tempoh Percubaan**"). Perlindungan Insurans boleh dibatalkan dengan menghubungi perkhidmatan pelanggan BIMA. Jika Perlindungan Insurans dibatalkan dalam tempoh percubaan, mana-mana bahagian Premium yang dibayar akan dipulangkan dan tiada Perlindungan Insurans akan disediakan di bawah Polisi ini.

4. PENDAFTARAN

Orang yang layak mesti memberikan maklumat berikut semasa pendaftaran:

- a) nama penuh seperti kad pengenalan atau pasport;
- b) nombor telefon yang sah yang berdaftar dengan Penyedia Telekomunikasi;
- c) nombor kad pengenalan atau nombor pasport;
- d) tarikh lahir;
- e) pilihan pelan dipilih; dan
- f) pengisytiharan kesihatan.

5. PILIHAN PELAN

- a) Pilihan pelan yang ada adalah seperti berikut:

	BIMA 5	BIMA 10	BIMA 15	BIMA 25
Manfaat Kematian	RM20,000	RM40,000	RM60,000	RM100,000
Premium bulanan	RM5.00	RM10.00	RM15.00	RM25.00

Jadual di atas menunjukkan Manfaat Kematian bagi setiap pelan sekiranya Premium sebulan dibayar sepenuhnya. Jika hanya sebahagian daripada Premium dibayar sebelum Tarikh Berkuatkuasa Insurans, Manfaat Kematian untuk Perlindungan Insurans akan berkadar dengan amaun Premium yang dibayar.

- b) Contoh - Premium separa dibayar

Orang yang Diinsuranskan memilih BIMA 5, di mana Premium adalah RM5.00 sebulan.

Premium separa sebanyak RM2.50 (50% daripada Premium penuh RM5.00) dibayar selepas Tarikh Pendaftaran.

Ini akan menyediakan Perlindungan Insurans sebanyak RM10,000 (50% daripada Manfaat Kematian sebanyak RM20,000) pada bulan berikutnya dari Tarikh Berkuatkuasa Insurans.

- c) Contoh - Tiada Premium dibayar

Sekiranya tidak ada sebahagian Premium bagi pelan pilihan yang berkenaan dibayar dalam sebulan dari Tarikh Pendaftaran, Manfaat Kematian yang diberikan adalah RM 0 dan Perlindungan Insurans belum berkuatkuasa. Lihat Klausula 2 (b) di atas.

- d) Melainkan Perlindungan Insurans ditamatkan atau dibatalkan mengikut Klausula 11, pelan yang dipilih akan diteruskan sehingga sebahagian daripada Premium dibayar atau sehingga ia dianggap sebagai luput, selaras dengan Klausula 10.

6. KAEDAH PEMBAYARAN

- a) Bagi Orang Yang Diinsuranskan yang merupakan pelanggan prabayar Penyedia Telekomunikasi, bayaran Premium akan ditolak dari baki masa panggilan telefon bimbit Orang Yang Diinsuranskan selaras dengan pelan pembayaran yang dipilih pada masa pendaftaran. Orang yang Diinsuranskan boleh memilih pelan pembayaran harian, mingguan atau bulanan. Bilangan ansuran akan seperti berikut:

Pelan Pembayaran	Harian	Mingguan	Bulanan
-------------------------	---------------	-----------------	----------------

Bilangan kali potongan setiap bulan dari baki masa panggilan telefon bimbit Orang yang Diinsuranskan	20	4	1
---	----	---	---

- b) Bagi Orang Yang Diinsuranskan yang membuat pembayaran melalui saluran pembayaran lain, pembayaran Premium akan dikutip oleh BIMA secara bulanan.
- c) Pembayaran Premium yang perlu dibayar akan dikutip oleh BIMA melalui saluran pembayaran dan dipindahkan kepada Penanggung Insurans selepas potongan komisen untuk membayar Perlindungan Insurans bagi Orang yang Diinsuranskan.

7. PENAMAAN

7.1 Orang yang Diinsuranskan berhak membuat penamaan satu atau lebih individu ("Penama") yang akan menerima manfaat Kematian apabila kematian Orang yang Diinsuranskan. Orang yang Diinsuranskan boleh menukar penamaan pada bila-bila masa dengan menghubungi khidmat pelanggan BIMA.

7.2 Penama adalah tidak bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran untuk Perlindungan Insurans Orang yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini.

7.3 Maklumat setiap Penama seperti berikut adalah diperlukan untuk penamaan yang layak:

- a) nama penuh seperti kad pengenalan atau pasport;
- b) nombor kad pengenalan atau nombor pasport;
- c) Nombor perhubungan dan alamat kediaman dan surat-menyurat
- d) Pekerjaan Penama
- e) Hubungan Penama dengan Orang yang Diinsuranskan;
- f) Bahagian manfaat tuntutan yang diperuntukkan kepada Penama (jika terdapat beberapa penama).

7.4 Apabila didaftarkan, BIMA diberi kuasa oleh Orang yang Diinsuranskan untuk menghubungi Penama yang ditetapkan dan memaklumkan kepada mereka tentang Perlindungan Insurans Orang Yang Diinsuranskan.

7.5 Jika Orang Yang Diinsuranskan tidak menamakan mana-mana Penama untuk menerima manfaat Kematian apabila kematian Orang yang Diinsuranskan, manfaat Kematian akan dibayar kepada penuntut yang merupakan:

- a) wasi atau pentadbir sah harta pusaka Orang Yang Diinsuranskan; atau
- b) jika Penanggung Insurans berpuas hati bahawa tidak ada wasi atau pentadbir kepada Orang Yang Diinsuranskan, manfaat itu hendaklah dibayar kepada suami, anak atau ibu bapa kepada Orang Yang Diinsuranskan mengikut Seksyen 6 Akta Pembahagian 1958; dan
- c) jika tidak ada suami/isteri, anak atau ibu bapa, manfaat itu boleh dibayar tanpa memerlukan pemberian probet atau surat kuasa mentadbir atau perintah pembahagian kepada seseorang yang memuaskan Penanggung Insurans bahawa orang yang menuntut berhak kepada harta Orang Yang Diinsuranskan yang telah meninggal dunia di bawah kehendaknya atau mempunyai persetujuan kesemua penama yang sah untuk menjadi pentadbir harta pusaka Orang Yang Diinsuranskan yang telah mati ("Penuntut Berpotensi").

7.6 Manfaat Kematian yang dibayar kepada Penama yang dinamakan oleh Orang Yang Diinsuranskan, sama ada Penama diterima sebagai wasi atau penama muktamad harta pusaka Orang Yang Diinsuranskan, akan melepaskan BIMA dan Penanggung Insurans dari semua liabiliti mereka di bawah Polisi ini. Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh menarik balik tanggung rugi BIMA dan Penanggung insurans terhadap apa-apa tuntutan yang boleh dibuat terhadap BIMA atau Penanggung insurans untuk pembayaran manfaat kematian kepada Penama seperti yang diarahkan oleh Orang Yang Diinsuranskan dan tanggung rugi ini akan tetap mengikat harta pusaka dan wakil perundangan peribadi Orang yang Diinsuranskan.

7.7 Manfaat Kematian yang dibayar mengikut Klausula 7.5 ini, hendaklah melepaskan BIMA dan Penanggung Insurans dari semua liabiliti mereka di bawah Polisi ini walaupun ketiadaan atau tidak kesahan atau apa-apa kecacatan dalam pemberian probet atau surat kuasa mentadbir atau perintah pengagihan atau sebarang dokumen lain yang mempunyai kesan yang sama.

8. PENGURUSAN TUNTUTAN

8.1 Notis Tuntutan dan apa-apa dokumen sokongan yang dikehendaki di bawah Polisi ini hendaklah diberikan dalam masa seratus lapan puluh (180) hari dari kematian Orang yang Diinsuranskan. Penanggung Insurans boleh menerima Tuntutan walaupun selepas tempoh tersebut hanya dalam keadaan khas dan atas alasan di luar kawalan penuntut.

8.2 Pemprosesan Tuntutan akan bermula selepas dokumen-dokumen berikut telah diserahkan kepada BIMA:

- a) identiti Penama Tuntutan atau Penuntut - salinan NRIC atau paspot;
- b) sijil kematian atau bukti lain kematian Orang yang Diinsuranskan; dan
- c) borang tuntutan.

- 8.3 Dokumen boleh disediakan dalam bentuk digital atau salinan cetakan. Penanggung Insurans atau BIMA boleh meminta dokumen tambahan atau semakan untuk menyiasat Tuntutan.
- 8.4 Penama atau Penuntut (jika tidak ada Penama) boleh menghubungi perkhidmatan pelanggan BIMA untuk memfailkan Tuntutan.

9. PEMBAYARAN TUNTUTAN

- 9.1 BIMA atau Penanggung Insurans akan membayar jumlah yang berkenaan untuk Tuntutan yang layak dan diluluskan dalam masa tiga (3) hari bekerja setelah penyerahan semua dokumen lengkap dan disahkan. Jumlah yang berkenaan ditetapkan pada tarikh kematian Orang Yang Diinsuranskan dan berdasarkan pilihan pelan dan Premium yang dibayar dalam bulan sebelum kejadian yang diinsuranskan.
- 9.2 Pembayaran jumlah berkenaan untuk Tuntutan yang layak dan diluluskan akan membentuk pelepasan penuh dan muktamad BIMA dan penanggung insurans sepenuhnya dari semua liabiliti mereka di bawah Polisi ini berkenaan dengan Orang yang Diinsuranskan.

10. PERATURAN LUPUT

Bagi pelanggan Celcom: Berikutan tiada bayaran sama ada Premium Bulanan atau Premium separa penuh untuk tempoh berturut-turut selama tiga (3) bulan kalendar, Perlindungan Insurans akan dianggap telah luput.

Bagi pelanggan Digi: Berikutan tiada bayaran sama ada Premium Bulanan atau Premium separa penuh untuk tempoh berturut-turut selama satu (1) bulan kalendar, Perlindungan Insurans akan dianggap telah luput.

Bagi pelanggan yang menggunakan kad kredit / kad debit / debit langsung / e-dompot melalui Ipay88: Berikutan tiada bayaran sama ada Premium Bulanan atau Premium separa penuh untuk tempoh berturut-turut selama tiga (3) bulan kalendar, Perlindungan Insurans akan dianggap telah luput.

11. PENAMATAN DAN PEMBATALAN

- 11.1 Perlindungan Insurans Orang Yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini akan ditamatkan secara automatik, tanpa notis atau apa-apa tindakan yang diperlukan oleh mana-mana pihak, apabila berlakunya mana-mana yang berikut:
- a) pada tarikh Umur Orang Diinsuranskan (harijadi yang terdekat) ialah 51;
 - b) pada tarikh Orang yang Diinsuranskan berhenti menjadi pelanggan kepada penyedia saluran pembayaran (contohnya. Penyedia Telekomunikasi jika orang melanggan pembayaran melalui bil telefon bimbit, kad kredit jika melanggan pembayaran melalui kad kredit;
 - c) pada tarikh BIMA atau Penanggung Insurans menerima permintaan pembatalan Perlindungan Insurans dari Orang yang Diinsuranskan;
 - d) pada tarikh Perlindungan Insurans dianggap telah luput selaras dengan Klausula 10; dan
 - e) pada tarikh pembayaran manfaat Kematian di bawah Perlindungan Insurans yang berkenaan.
- 11.2 Orang yang Diinsuranskan boleh membatalkan Perlindungan Insurans pada bila-bila masa dengan menghubungi BIMA. Mana-mana Premium yang telah dibayar akan dikenakan ke atas Perlindungan Insurans untuk bulan berikutnya. Tiada nilai penyerahan tunai setelah pembatalan Perlindungan Insurans dan tidak ada bayaran balik sebarang Premium yang dibayar untuk sebarang pembatalan selepas tempoh percubaan.

12. SALAHNYATAAN FAKTA

- 12.1 Sekiranya Umur Orang Diinsuranskan berada di luar had yang ditetapkan dalam Polisi ini atau Orang yang Diinsuranskan tidak layak untuk dilindungi atas apa-apa sebab lain, Premium yang dibayar ditolak yuran pentadbiran akan dikembalikan kepada Orang yang Diinsuranskan.

12.2 Sekiranya:

- a) Pengisytiharan Kesihatan oleh Orang Yang Diinsuranskan terbukti salah atau salah nyataan tentang keadaan kesihatan Orang Yang Diinsuranskan; atau
- b) Orang Yang Diinsuranskan telah membuat apa-apa salah nyataan material lain atau tidak mendedahkan atau menyembunyikan maklumat,

Perlindungan Insurans di bawah Polisi ini akan dianggap batal dan tidak sah, yang bermaksud Penanggung Insurans tidak akan membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini dan Premium yang dibayar oleh Orang yang Diinsuranskan tidak akan dikembalikan kepada Orang yang Diinsuranskan.

13. PERUNTUKAN AM

Mata Wang

Semua amaun perlu dibayar selaras dengan Polisi ini perlu dibayar mata wang Malaysia.

Pindaan Polisi

Penanggung Insurans berhak untuk menukar atau menarik balik Polisi, termasuk perubahan kadar Premium, pada bila-bila masa yang diberikan sekurang-kurangnya 30 hari notis akan diberikan kepada Orang yang Diinsuranskan. Tiada seorang pun atau ejen mempunyai hak untuk membuat apa-apa perubahan atau mengecualikan apa-apa terma dan syarat dalam Polisi ini.

Bilangan Polisi

Sekiranya seseorang didaftarkan di bawah beberapa Polisi, hanya satu Polisi akan dikeluarkan.

Pemindahan

Ia adalah tidak dibenarkan memindahkan Polisi atau Perlindungan Insurans atau manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Notis

Sebarang notis atau komunikasi akan dihantar secara peribadi, secara digital atau melalui telefon dan akan dianggap telah dihantar dengan serta-merta. Saluran komunikasi disediakan di laman web BIMA's: www.bima.com.my.

Tiada Lebihan Boleh Dibahagi

Polisi ini tidak turutserta dalam Lebihan Boleh Dibahagi, yang bermaksud bahawa Orang yang Diinsuranskan tidak berhak kepada sebarang pengagihan lebihan atau dividen dari perniagaan Penanggung Insurans.

Pengecualian

Sekiranya Orang yang Diinsuranskan, BIMA atau Penanggung tidak menguatkuasakan peruntukan Polisi ini, ini tidak akan dianggap sebagai pengecualian hak pihak dalam Polisi ini dan tidak mempengaruhi kesahan keseluruhan atau mana-mana bahagian Polisi ini atau menjejaskan hak Orang yang Diinsuranskan, BIMA atau Penanggung untuk mengambil tindakan selanjutnya.

14. PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

Sekiranya BIMA atau Penanggung Insurans menerima arahan daripada pihak berkuasa yang berkenaan untuk membekukan atau menyita wang yang diterima sebagai premium atau wang yang boleh dibayar berkenaan dengan Polisi ini seperti dinyatakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 atau apa-apa perundangan yang sama atau sekiranya BIMA atau Penanggung Insurans menemui atau mempunyai keraguan yang munasabah bahawa Polisi ini dieksplotasi untuk aktiviti pengubahan wang haram dan/atau untuk membiayai keganasan, BIMA dan Penanggung Insurans berhak untuk menamatkan Polisi ini dengan serta-merta.

BIMA dan Penanggung Insurans akan menguruskan premium yang telah dibayar dan kesemua manfaat/jumlah bayaran berkenaan dengan Polisi ini dengan apa-apa cara yang BIMA dan Penanggung Insurans rasakan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

15. PERLINDUNGAN, KEWAJIPAN DAN HAK DATA PERIBADI

- 15.1 Apa-apa maklumat peribadi termasuk maklumat kewangan dan data peribadi yang sensitif ("Data Peribadi") didedahkan kepada BIMA atau Penanggung Insurans berkenaan Polisi ini akan dikumpul, digunakan, disimpan, didedahkan dan sebaliknya diproses oleh BIMA, Penanggung Insurans dan pekerja, wakil, syarikat insurans semula, ejen dan sekutu menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 atau undang-undang lain yang berkenaan. BIMA boleh mencatatkan atau dengan cara lain dokumen komunikasi individu dengan syarikat.
- 15.2 Data Peribadi akan dikumpul, digunakan, disimpan, didedahkan dan diproses untuk tujuan berikut:
- a) untuk lebih memahami keadaan insurans Orang Yang Diinsuranskan, menyediakan sebut harga, memeterai dan melaksanakan kontrak insurans Anda, dan untuk menyediakan dan mentadbir Perlindungan Insurans Orang Yang Diinsuranskan;
 - b) untuk pengunderaitan, penilaian risiko, pengendalian dan menyelesaikan tuntutan dan tujuan audit;
 - c) untuk mengesan dan mencegah kegiatan jenayah atau penipuan yang berkenaan dengan urusan niaga insurans;
 - d) untuk mengekalkan dan membangunkan sistem dan infrastruktur perniagaan BIMA dan Penanggung Insurans;
 - e) untuk pemindahan data, dan berkongsi dengan, BIMA dan Penanggung Insurans dan sekutu dan/atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak BIMA dan Penanggung Insurans, termasuk yang terletak di luar Malaysia.
 - f) untuk sebarang tujuan lain yang dinyatakan dalam Dasar Privasi masing-masing BIMA dan Penanggung Insurans (lihat pautan di bawah).

- 15.3 Bagi mengelakkan keraguan, BIMA dan Penanggung Insurans boleh mendedahkan atau berkongsi Data Peribadi yang diberikan kepada:
- pebekal perkhidmatan yang mana BIMA atau Penanggung Insurans mempunyai perjanjian untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti mereka;
 - mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Pemegang Polisi atau Ahli yang Diinsuranskan (dari semasa ke semasa); dan/atau
 - penguatkuasa kawal selia dan agensi-agensi kerajaan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi obligasi kepada pihak berkuasa.
- 15.4 Orang yang Diinsuranskan hendaklah mengemaskini kepada BIMA berkenaan dengan apa-apa perubahan dalam Data Peribadi yang diberikan oleh Orang yang Diinsuranskan. BIMA dan Penanggung Insurans tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung yang mana Orang yang Diinsuranskan mungkin alami akibat apa-apa Data Peribadi tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada BIMA dan Penanggung Insurans.
- 15.5 Untuk notis peribadi terperinci mengenai bagaimana BIMA mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi, sila rujuk kepada laman web Penanggung Insurans dan BIMA di:

Penanggung Insurans: www.allianz.com.my.
BIMA: www.bima.com.my.

DEFINISI

Dalam Polisi ini, istilah berikut mempunyai maksud yang berikut:

"**Umur**" bermaksud umur pada harijadi yang terdekat.

"**Penama**" bermaksud setiap individu yang dinamakan Orang Yang Diinsuranskan sebagaimana yang ditentukan semasa pendaftaran atau kemudian selaras dengan Klausula 7, yang berhak menerima manfaat Perlindungan Insurans.

"**Tuntutan**" hendaklah merujuk permohonan daripada Penama atau penuntut untuk membayar manfaat insurans di bawah Perlindungan Insurans yang berkenaan.

"**Komisen**" merujuk kepada komisen yang dipersetujui yang perlu dibayar oleh Penanggung Insurans kepada Pemegang Polisi Kumpulan untuk bertindak sebagai ejen korporat Penanggung Insurans seperti yang dinyatakan dalam Polisi ini.

"**Pengisytiharan Kesihatan Baik**" bermaksud tanggapan negatif yang diberikan oleh Orang yang Diinsuranskan kepada soalan-soalan kesihatan yang diminta oleh BIMA sebagai sebahagian daripada proses pendaftaran. Tanggapan negatif bermakna bahawa Orang Yang Diinsuranskan telah menjawab bahawa dia tidak didiagnosis atau dirawat untuk sebarang syarat yang disebut dalam soalan kesihatan BIMA;

"**Perlindungan Insurans**" bermaksud perlindungan yang disediakan oleh Penanggung Insurans kepada Orang Yang Diinsuranskan sekiranya sejumlah wang akan dibayar apabila kematian Orang yang Diinsuranskan. Tahap perlindungan akan ditentukan oleh perkadaran Premium yang dibayar bulan sebelum kematian Orang yang Diinsuranskan dan tidak akan melebihi Jumlah Diinsuranskan dari pilihan pelan yang dipilih.

"**Tarikh Berkuatkuasa Insurans**" hendaklah mempunyai maksud yang diperuntukkan kepadanya dalam Fasal 2.

"**Orang Yang Diinsuranskan**" bermaksud orang yang layak menyertai pilihan pelan insurans sebagaimana yang dinyatakan dalam Polisi ini.

"**Penanggung Insurans**" means Allianz Life Insurance Malaysia Berhad.

"**Penyedia Telekomunikasi**" bermaksud mana-mana penyedia telekomunikasi di Malaysia.

"**Penuntut yang Berpotensi**" hendaklah mempunyai maksud yang diperuntukkan kepadanya dalam Fasal 7, yang membuat tuntutan jika tiada Penama.

"**Data Peribadi**" hendaklah mempunyai maksud yang dinyatakan kepadanya dalam Fasal 15.

"**Polisi**" bermaksud polisi insurans kumpulan ini.

"**Premium**" bermaksud jumlah yang akan dibayar oleh atau bagi pihak Orang yang Diinsuranskan untuk tahap Perlindungan Insurans yang disediakan oleh Penanggung Insurans.

"**Pendaftaran**" bermaksud permohonan untuk Perlindungan Insurans dengan pendaftaran dan pembayaran Premium.

"**Jumlah yang Diinsuranskan**" bermaksud jumlah maksimum yang dijamin akan dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan apabila berlakunya kematian Orang Yang Diinsuranskan tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini, dengan syarat Premium penuh telah dibayar sebelum kematian Orang yang Diinsuranskan. Ia bergantung kepada pilihan pelan Perlindungan Insurans yang dipilih di bawah Polisi ini.